



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

***KESEDARAN DAN AMALAN KESELAMATAN SIBER DALAM  
KALANGAN PENGGUNA INTERNET DI MALAYSIA***

**MUHAMMAD ADNAN BIN PITCHAN**

**FBMK 2018 16**



**KESEDARAN DAN AMALAN KESELAMATAN SIBER DALAM  
KALANGAN PENGGUNA INTERNET DI MALAYSIA**

Oleh

**MUHAMMAD ADNAN BIN PITCHAN**

**Tesis ini Dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti  
Putra Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah**

**Disember 2017**

## HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, iklan, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya, Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia,

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah

**KESEDARAN DAN AMALAN KESELAMATAN SIBER DALAM  
KALANGAN PENGGUNA INTERNET DI MALAYSIA**

Oleh

**MUHAMMAD ADNAN BIN PITCHAN**

**Disember 2017**

**Pengerusi : Profesor Madya Siti Zobidah binti Omar, PhD**  
**Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi**

Kemunculan media baharu menyebabkan proses komunikasi seperti penyebaran, pemprosesan dan penerimaan maklumat berlaku begitu cepat tanpa mengira sempadan sesebuah kawasan. Walaupun media baharu ini membawa pelbagai manfaat dan inovasi dalam kehidupan manusia, aspek keselamatan siber juga perlu difikirkan. Faktor kurangnya kefahaman dan kesedaran mengenai keselamatan penggunaan Internet melalui peralatan elektronik telah menyebabkan ramai rakyat di negara ini ditipu oleh sindiket jenayah siber. Hal ini kerana masih ramai dalam kalangan pengguna Internet telah mengabaikan prinsip-prinsip keselamatan dalam Internet dan menganggap ia sebagai satu perkara yang remeh. Perkara ini boleh dilihat melalui peningkatan statistik dalam kes jenayah siber di Malaysia. Tambahan pula, golongan belia kini berada di tahap yang bahaya kerana penggunaan Internet telah menjadi rutin harian dalam kalangan mereka dan risiko terdedah kepada ancaman siber juga amat tinggi. Justeru, elemen kesedaran perlu dipupuk dalam kalangan pengguna Internet agar mereka sentiasa berhati-hati ketika menggunakan Internet di samping dapat menghindari daripada ancaman siber.

Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk menerokai kesedaran dan amalan keselamatan siber dalam kalangan pengguna Internet di Malaysia dan fokusnya kepada kawasan Lembah Klang. Kebanyakan daripada populasi di Malaysia yang menggunakan kemudahan Internet terutama dalam konteks kesedaran dan keselamatan siber tertumpu kepada di kawasan Lembah Klang. Oleh itu, Lembah Klang menjadi satu persampelan yang paling dekat mewakili populasi Malaysia dalam konteks kajian ini. Kajian ini mempunyai empat objektif utama iaitu memahami kesedaran pengguna Internet tentang amalan keselamatan siber, menerokai pengalaman pengguna Internet terhadap amalan keselamatan siber, menerokai persekitaran sosial terhadap amalan keselamatan siber, serta menganalisis pelaksanaan undang-undang

tentang ancaman keselamatan siber di Malaysia. Dua teori media diterap bagi mengupas fenomena kesedaran dan amalan keselamatan siber iaitu Teori Kebergantungan Media dan Teori KAP. Dari segi kaedah penyelidikan pula, kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif seperti kumpulan fokus, temu bual mendalam dan analisis dokumen. Seramai 35 orang pengguna Internet ditemu bual melalui kaedah kumpulan fokus ini di mana kumpulan fokus dibahagikan kepada dua kategori pengguna Internet iaitu golongan remaja dan dewasa. Memandangkan kajian ini melihat fenomena sosial dalam kalangan pengguna Internet terhadap kesedaran dan keselamatan siber, selain informan yang tidak mempunyai pengalaman dalam jenayah siber, kajian juga turut memberi perhatian kepada pengguna Internet yang pernah berhubung dengan masalah jenayah siber semasa mereka menggunakan Internet. Selain itu, bagi mendapatkan data yang tepat dan berkualiti seramai 9 orang pegawai kerajaan dipilih secara purposif turut ditemu bual secara mendalam daripada agensi SKMM, PDRM, CyberSecurity Malaysia, Majlis Keselamatan Negara, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan serta Fakulti Undang-Undang UKM.

Kajian mendapati para informan kajian tidak mempunyai kesedaran terhadap amalan keselamatan siber terutama dari segi kewujudan agensi yang bertanggungjawab dalam mengawal keselamatan siber, aktiviti keselamatan siber, polisi dan garis panduan perbankan online serta undang-undang keselamatan siber. Selain itu, kajian juga mendapati pengguna Internet mempunyai amalan yang baik dari segi keselamatan penerimaan e-mel *phising*, penggunaan perbankan dalam talian, serta penyebaran sesuatu berita kepada orang lain. Tambahan pula, faktor persekitaran sosial seperti pengaruh rakan sebaya dan peranan tempat kerja tidak memberi kesan positif kepada amalan keselamatan siber oleh pengguna Internet. Kajian juga mendapati, dari segi pelaksanaan undang-undang siber pula, Akta Komunikasi dan Multimedia 1988 masih memerlukan penambahbaikan lagi terutama di dalam Seksyen 211 dan 233 di mana peruntukan elemen niat perlu dikaji semula.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

**CYBER SECURITY AWARENESS AND PRACTICE AMONG  
INTERNET USERS IN MALAYSIA**

By

**MUHAMMAD ADNAN BIN PITCHAN**

**December 2017**

**Chairman : Associate Professor Siti Zobidah binti Omar, PhD**  
**Faculty : Modern Languages and Communication**

The emergence of new media has led the communication processes such as dissemination, processing and receiving information occurs tremendously regardless of the borders of a region. Although this new media brings a variety of benefits and innovation in human life, safety aspects must also be considered. Lack of understanding and awareness of safe use of the Internet through electronic equipment has led many public in this country are being gullibility by cyber crime syndicates. This is because many Internet users have ignored the principles of safety on the Internet and consider it as a trivial matter. This can be seen through the increase of cyber crime statistics in Malaysia. Furthermore, youths are now at a dangerous level because of the daily use of the Internet and the chances of exposure to cyber threats is also very high. Thus, the element of awareness should be inculcated among Internet users so that they aware when using the Internet as well as to avoid cyber threats.

Therefore, this study was conducted to explore cyber security awareness and practices among the Internet users in Malaysia particularly in the Klang Valley area due to the heavy usage of Internet facilities in this area. This study has four main objectives, namely to understand the awareness of Internet users about cyber security practices; to explore the experience of Internet users against cyber security practices; to explore the social environment of cyber security practices, and to analyze the implementation of the law on cyber security in Malaysia. Media Dependency Theory and Knowledge Attitude Practice (KAP) Theory were applied to analyse this phenomena of cyber security awareness and practices. This study used a qualitative approach such as focus groups, indepth interviews and document analysis as the research methods. There were 35 Internet users involved in the focus groups which divided into two categories of Internet users, adolescents and adults. Besides looking

at the social phenomena among Internet users of cyber-consciousness and security, as well as informants who have no experience in cybercrime, this study also focus on the Internet users who have been in touch with cyber crime while using the Internet. This study also interviewed 9 government officials from different departments such as Malaysian Communications and Multimedia Commission, Royal Malaysian Police, CyberSecurity Malaysia, Malaysian National Security Council, Ministry of Domestic Trade, Co-operatives and Consumerism, and Faculty of Law UKM for accuracy and quality data.

The study found that most informants had no awareness of cyber security practices, especially in terms of the existence of the agencies that responsible for the control of cyber security, cyber security activities, policies and guidelines for online banking and cyber security laws. This study also found that Internet users have a good practice in receiving email phishing scams, online banking usage, and dissemination of news to others. Social environmental factors such as peer influence and role of the workplace have no positive impact on cyber security practices by Internet users. The study suggests that the Communications and Multimedia Act 1988 still needs further improvement, especially in Sections 211 and Section 233 where the provision of the elements of intention should be reviewed.

## PENGHARGAAN

Segala pujian ke hadrat Allah SWT Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang. Selawat dan Salam kepada Junjungan Besar Nabi Muhammad S.A.W serta keluarga dan para sahabat baginda sekalian. Syukur Alhamdulillah kerana memberikan saya kesihatan yang cukup, masa dan kematangan fikiran untuk menyiapkan Tesis Doktor Falsafah (Komunikasi Massa) ini.

Ucapan jutaan terima kasih dan penghargaan kepada penyelia saya Prof. Madya Dr Siti Zobidah Omar atas penyeliaan beliau dan juga telah banyak membantu dan memberi panduan serta bimbingan yang amat bernilai dalam hidup saya serta sepanjang proses penyediaan tesis ini. Tidak ketinggalan juga kepada Prof. Madya Dr. Jusang Bolong, Dr. Akmar Hayati Ahmad Ghazali kerana sudi menjadi ahli jawatankuasa penyeliaan tesis ini, berkongsi kepakaran masing-masing dan sentiasa memberi tunjuk ajar serta maklum balas yang positif dalam menghasilkan tesis yang berkualiti ini. Tidak lupa juga Jawatankuasa Penilaian Tesis iaitu Prof. Dr. Abdul Muati @ Zamri b Ahmad, Prof. Dr. Rusli Haji Abdullah, Prof. Dr. Azizah Hamzah selaku pemeriksa dan juga Dr. Mohd Nizam Osman selaku pengerusi peperiksaan viva tesis ini.

Terima kasih kepada ayah dan ibu tercinta, En. Pitchan a/l Vadamalai dan Pn. Rajeswarie a/p Samyvelu serta adik beradik di atas dorongan dan nasihat yang berguna dan menjadi tunjang di atas segala usahaku selama ini. Segala jerit perih yang dilalui akan menjadi panduan untuk saya mengharungi liku-liku hidup yang mendatang. Penghargaan juga ditujukan kepada sahabat-sahabat seperjuangan di atas semangat, sokongan dan dorongan untuk saya menyiapkan tesis ini.

Penghargaan juga ditujukan kepada semua kakitangan Unit Siswazah FBMK, SGS UPM dan pensyarah-pensyarah Jabatan Komunikasi, FBMK UPM. Tidak lupa juga kepada para informan dalam kajian ini yang banyak membantu mendapatkan data-data kajian. Tidak lupa juga kepada pegawai-pegawai dari agensi SKMM, PDRM, CyberSecurity Malaysia, Majlis Keselamatan Negara, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan serta ahli akademik daripada Fakulti Undang-Undang UKM. Tidak terlupa juga penghargaan kepada penilai-penilai tesis ini kerana sudi meluangkan masa dan tenang untuk memberi komen dan penambahbaikan kualiti tesis ini. Segala bantuan, tunjuk ajar dan jasa baik penyelia, ahli jawatankuasa dan para penilai tesis ini hanya Allah sahaja mampu membalas.



Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 12 Disember 2017 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Muhammad Adnan bin Pitchan bagi menilai tesis beliau yang bertajuk “Kesedaran dan Amalan Keselamatan Siber dalam Kalangan Pengguna Internet di Malaysia” mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Doktor Falsafah.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

**Mohd Nizam bin Osman, PhD**

Pensyarah Kanan  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Abdul Muati @ Zamri bin Ahmad, PhD**


Profesor  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pemeriksa Dalam)

**Rusli bin Hj. Abdullah, PhD**

Profesor  
Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat  
Universiti Putra Malaysia  
(Pemeriksa Dalam)

**Azizah Hamzah, PhD**

Profesor  
Universiti Malaya  
Malaysia  
(Pemeriksa Luar)



---

**NOR AINI AB. SHUKOR, PhD**

Profesor dan Timbalan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 29 Januari 2018

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

**Siti Zobidah Omar, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Jusang bin Bolong, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

**Akmar Hayati Ahmad Ghazali, PhD**

Pensyarah Kanan  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

---

**ROBIAH BINTI YUNUS, PHD**

Profesor dan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

## Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperolehi sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis ini telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Tarikh: \_\_\_\_\_

Nama dan No. Matrik: Muhammad Adnan Bin Pitchan, GS39554

## Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyelidikan

Dengan ini diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah selian kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: \_\_\_\_\_  
Nama Pengerusi  
Jawatankuasa Profesor Madya  
Penyeliaan: Dr. Siti Zobidah Omar

Tandatangan: \_\_\_\_\_  
Nama Ahli  
Jawatankuasa Profesor Madya  
Penyeliaan: Dr. Jusang bin Bolong

Tandatangan: \_\_\_\_\_  
Nama Ahli  
Jawatankuasa  
Penyeliaan: Dr. Akmar Hayati Ahmad Ghazali

## JADUAL KANDUNGAN

Muka surat

<b>ABSTRAK</b>	i
<b>ABSTRACT</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	v
<b>PENGESAHAN</b>	vi
<b>PERAKUAN</b>	viii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xiv
<b>SENARAI RAJAH</b>	xv
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xvi
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xvii

### BAB

<b>1</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	<b>1</b>
1.1	Latar Belakang Kajian	1
1.2	Penyataan Masalah Kajian	2
1.3	Persoalan Kajian	5
1.3.1	Bagaimana pengguna Internet mempunyai kesedaran mengenai keselamatan siber	6
1.3.2	Bagaimana pengalaman pengguna Internet dengan amalan keselamatan siber	6
1.3.3	Bagaimana persekitaran sosial mempengaruhi pengguna Internet terhadap amalan keselamatan siber	6
1.3.4	Bagaimana undang-undang yang diamalkan bagi mengawal dan membendung jenayah siber ini	6
1.4	Objektif Kajian	6
1.4.1	Memahami kesedaran pengguna Internet tentang keselamatan siber	6
1.4.2	Menerokai pengalaman pengguna Internet terhadap amalan keselamatan siber	6
1.4.3	Menerokai persekitaran sosial terhadap amalan keselamatan siber	6
1.4.4	Menganalisis pelaksanaan undang-undang tentang ancaman keselamatan siber di Malaysia	6
1.5	Kepentingan Kajian	6
1.6	Skop dan Limitasi Kajian	8
1.7	Definisi Kata Kunci	10
1.7.1	Kesedaran	10
1.7.2	Amalan	10
1.7.3	Keselamatan Siber	11
1.7.4	Undang-Undang	11
1.7.5	Persekitaran Sosial	11
1.7.6	Sistem Internet	12
1.8	Rumusan	12

<b>2</b>	<b>SOROTAN LITERATUR</b>	<b>13</b>
2.1	Perkembangan Internet Di Malaysia	13
2.2	Kesedaran dan Penggunaan Siber	17
2.3	Pengalaman dan Keselamatan Siber	22
2.4	Persekitaran Sosial dan Amalan Keselamatan Siber	29
2.5	Undang-Undang Ancaman Siber	30
2.6	Teori Kajian	33
	2.6.1 Teori Kebergantungan Media	33
	2.6.2 Teori Pengetahuan, Sikap dan Amalan (KAP)	37
2.7	Kerangka Kajian	38
2.8	Rumusan	39
<b>3</b>	<b>METODOLOGI</b>	<b>41</b>
3.1	Pengenalan	41
3.2	Reka bentuk Kajian	42
	3.2.1 Kumpulan Fokus	45
	3.2.2 Temu Bual Mendalam	46
	3.2.3 Analisis Dokumen	49
3.3	Pra-Ujian	50
3.4	Lokasi dan Informan Kajian	51
3.5	Populasi dan Prosedur Persampelan	52
	3.5.1 Pengguna Internet Kumpulan Fokus	52
	3.5.2 Pegawai Kerajaan Temu Bual Mendalam	53
3.6	Temu Bual Protokol	54
3.7	Kesahan dan Kesahihan Instrumen	55
3.8	Pengumpulan Data	59
	3.8.1 Kumpulan Fokus	59
	3.8.2 Temu Bual Mendalam	61
	3.8.3 Analisis Dokumen	62
3.9	Penganalisaan Data	64
3.10	Rumusan	67
<b>4</b>	<b>HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN</b>	<b>69</b>
4.1	Pengenalan	69
4.2	Demografi Kumpulan Fokus	69
4.3	Pola Penggunaan Internet	72
4.4	Kesedaran Keselamatan Siber Dalam Kalangan Pengguna Internet	76
	4.4.1 Maksud Kesedaran Keselamatan Siber	76
	4.4.2 Kesedaran Informan Terhadap Agensi Bertanggungjawab Dalam Mengawal Keselamatan Siber Malaysia	79
	4.4.3 Kesedaran Informan Mengenai Kempen dan Aktiviti Keselamatan Siber	87
	4.4.4 Kesedaran Informan Mengenai Garis Panduan dan Polisi Penggunaan Perbankan Dalam Talian	92
	4.4.5 Kesedaran Informan Terhadap Kewujudan Undang-undang dan Akta Siber	96

4.4.6	Faktor-faktor Kekurangan Kesedaran Keselamatan Siber Dalam Kalangan Pengguna Internet	99
4.5	Pengalaman Pengguna Internet Terhadap Amalan Keselamatan Siber	106
4.5.1	Amalan Keselamatan Terhadap Buli Siber	106
4.5.2	Amalan Keselamatan Terhadap Pornografi	111
4.5.3	Amalan Keselamatan Dalam Penerimaan E-mel <i>Phising</i>	116
4.5.4	Amalan Dalam Membanteras Virus	119
4.5.5	Amalan Keselamatan Dalam Perbankan Dalam Talian	121
4.5.6	Amalan Keselamatan Dalam Pembelian Secara Online	125
4.5.7	Amalan Keselamatan Terhadap Penggodaman	128
4.5.8	Amalan Terhadap Penggunaan Kata Laluan	131
4.5.9	Amalan Keselamatan Dalam Penyebaran Berita	135
4.5.10	Amalan Keselamatan Terhadap Sosial Interaksi di Media Sosial	137
4.6	Persekitaran Sosial Terhadap Amalan Keselamatan Siber	145
4.6.1	Didikan Ibu Bapa	145
4.6.2	Pengaruh Rakan Sebaya	152
4.6.3	Peranan Tempat kerja	154
4.6.4	Peranan Media Massa	158
4.6.5	Polisi Kerajaan	161
4.7	Pelaksanaan Undang-Undang Mengenai Ancaman Keselamatan Siber	166
4.7.1	Kuasa dan Badan Pelaksana Dalam Mengawal Keselamatan Siber Malaysia	166
4.7.2	Pelaksanaan Undang-Undang Siber Di Malaysia	169
4.8	Perbincangan Kajian Dengan Perkaitan Teori	181
<b>5</b>	<b>KESIMPULAN</b>	184
5.1	Pengenalan	184
5.2	Ringkasan Kajian	184
5.3	Jawapan Pada Objektif Kajian	186
5.3.1	Objektif I: Memahami Kesedaran Pengguna Internet Tentang Keselamatan Siber	186
5.3.2	Objektif II: Menerokai Pengalaman Pengguna Internet Terhadap Amalan Keselamatan Siber	188
5.3.3	Objektif III: Menerokai Persekitaran Sosial Terhadap Amalan Keselamatan Siber	194
5.3.4	Objektif IV: Menganalisis Pelaksanaan Undang-Undang Tentang Ancaman Keselamatan Siber Di Malaysia	195
5.4	Kesimpulan Hasil Kajian	196
5.5	Implikasi Kajian	201
5.5.1	Praktikal	201
5.5.2	Teoretikal	202
5.5.3	Metodologikal	202
5.6	Cadangan Kajian Masa Akan Datang	203

5.7	Penutup	204
	<b>RUJUKAN</b>	206
	<b>LAMPIRAN</b>	220
	<b>BIODATA PELAJAR</b>	258
	<b>SENARAI PENERBITAN</b>	259



© COPYRIGHT UPM



## SENARAI JADUAL

Jadual	Muka surat
1.1 Perangkaan Insiden Keselamatan Siber Tahun 2014-2016	2
1.2 Aduan Internet Mengikut Klasifikasi Kes Tahun 2013-2015	4
2.1 Perangkaan Insiden Keselamatan Siber Malaysia Dari Tahun 2000 - 2017	16
2.2 Kadar Penembusan Internet Malaysia Tahun 2000 - 2017	17
3.1 Persampelan Informan Pengguna Internet	53
3.2 Persampelan Informan Pegawai Kerajaan	54
3.3 Petikan Contoh Kebolehpercayaan Data	59
3.4 Maklumat Pelaksanaan Kumpulan Fokus	60
3.5 Senarai Dokumen Dikaji	63
3.6 Pelabelan Informan Kumpulan Fokus	64
3.7 Pelabelan Informan Temu bual Mendalam	65
4.1 Demografi Informan Kumpulan Fokus (N=35)	70
4.2 Penggunaan Internet	74
4.3 Penggunaan Media Sosial	76
4.4 Perbezaan Penggunaan Media Sosial Oleh CyberSecurity Malaysia dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia	84
4.5 Senarai Video Kesedaran Keselamatan Siber Untuk Golongan Belia	90
4.6 Senarai Tajuk Poster Kesedaran Keselamatan Siber Golongan Belia	90
4.7 Ringkasan Hasil Analisis Dokumen Perbankan Online Di Antara Cimb Clicks, iRakyat, Bank Islam IB, Maybank2u	95

## SENARAI RAJAH

<b>Rajah</b>	<b>Muka surat</b>
2.1 Model Konseptual Teori Kebergantungan Media	35
2.2 Model Kesan Lebih Khusus Teori Kebergantungan Media	36
2.3 Model <i>Knowledge, Attitude, Practices</i>	37
2.4 Model Kerangka Konsep Kajian	39
3.1 Rekabentuk Kajian Kualitatif	44
3.2 Ringkasan Kaedah Penyelidikan Kualitatif Mengikut Pencapaian	44
3.3 Kategori Penganalisisan Data Objektif I	65
3.4 Kategori Penganalisisan Data Objektif II	66
3.5 Kategori Penganalisisan Data Objektif III	67
3.6 Kategori Penganalisisan Data Objektif IV	67
4.1 Paparan Rangkaian Objektif I Mengenai Kesedaran Pengguna Internet Tentang Keselamatan Siber	105
4.2 Contoh E-mel <i>Phising</i>	118
4.3 Paparan Rangkaian Objektif II Mengenai Pengalaman Pengguna Internet Terhadap Amalan Keselamatan Siber	144
4.4 Paparan Rangkaian Objektif III Mengenai Persekitaran Sosial Terhadap Amalan Keselamatan Siber	165
4.5 Badan Pelaksana Mempunyai Kuasa	166
4.6 Paparan Rangkaian Objektif IV Pelaksanaan Undang-Undang Mengenai Ancaman Keselamatan Siber	181
5.1 Model Kerangka Baru Kajian	198
5.2 Perincian Model Kerangka Baru Mengikut Keseluruhan Dapatan Kajian	200

## SENARAI SINGKATAN

CSM	CyberSecurity Malaysia
IB	<i>Internet Banking</i>
ICT	Teknologi Maklumat dan Komunikasi
IP	<i>Internet Protocol</i>
ISP	<i>Internet Service Provider</i>
JARING	Jaring Communications Sdn Bhd
KAP	<i>Knowledge, Attitude, Practices</i>
KWSP	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
NGO	<i>Non-governmental organization</i>
PDRM	Polis Diraja Malaysia
RTM	Radio Televisyen Malaysia
SKMM	Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
SSM	Suruhanjaya Syarikat Malaysia
TCP	<i>Transmission Control Protocol</i>
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
USB	<i>Universal Serial Bus</i>

## SENARAI LAMPIRAN

<b>Lampiran</b>		<b>Muka surat</b>
A	Paparan Skrin Iklan SKMM	220
B	Paparan Rancangan CyberSecurity Malaysia Di TV1	221
C	Kenyataan Siaran Media PDRM Berhubung Penyalahgunaan Media Sosial	222
D	Contoh Kes Penghinaan Di Media Sosial Diutarakan Oleh Informan	223
E	Paparan <i>Applock</i>	224
F	Paparan <i>Incognito Windows</i>	225
G	Paparan <i>Keep Safe</i>	226
H	Peringatan Mengenai Isu MH370 & 1MDB	227
I	Silibus Teknologi Maklumat & Komunikasi, KSSR	228
J1	Seksyen 6 Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (Pindaan 2002 & 2004)	229
J2	Seksyen 16 (1) Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia	230
K1	Seksyen 140 (1) Perlembagaan Persekutuan	231
K2	Seksyen 140 (3) Perlembagaan Persekutuan	232
L	Seksyen 20 (3) Akta Polis 1967	233
M1	Seksyen 211 Akta Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998	234
M2	Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998	235
N1	Seksyen 72 Akta Tandatangan Digital 1997	236
N2	Seksyen 73 Akta Tandatangan Digital 1997	237
O1	Seksyen 43 (1)(2)(3) Akta Perlindungan Data Peribadi 2010	238
O2	Seksyen 129 (1)(2)(3) & (5) Akta Perlindungan Data Peribadi 2010	239

P	<i>Section 4 (1) (1A) Sediton Act 1948 (Amendments) 2015</i>	241
Q	Seksyen 8A (1) Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 (Pindaan) 1987	242
R	Seksyen 114A (1)(2)(3)(4) Akta Keterangan (Pindaan) 2012	243
S1	Seksyen 292 Kanun Keseksaan (Pindaan) 1989	244
S2	Seksyen 377, 377A Kanun Keseksaan (Pindaan) 1989	245
S3	Seksyen 377B, 377C Kanun Keseksaan (Pindaan) 1989	246
S4	Seksyen 377D Kanun Keseksaan (Pindaan) 1989	247
S5	Seksyen 377E Kanun Keseksaan (Pindaan) 2014	248
S6	<i>Section 499, 500, 501 &amp; 502 Penal Code</i>	249
T1	Seksyen 84A Akta Perlindungan Pengguna (Pindaan) 2010	250
T2	Seksyen 9 & 10 Akta Perlindungan Pengguna (Pindaan) 2010	251
T3	Seksyen 25 Akta Perlindungan Pengguna 1999	253
T4	Peraturan 3 (1) (2) Peraturan-Peraturan Perlindungan Pengguna (Urus Niaga Perdagangan Elektronik) 201	254
U	Borang Demografi Kumpulan Fokus	255

# BAB 1

## PENDAHULUAN

Bab ini membincangkan mengenai latar belakang kajian, pernyataan masalah kajian, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, skop dan limitasi kajian. Selain itu, turut membincangkan beberapa definisi kata kunci seperti kesedaran, amalan, keselamatan siber, undang-undang, persekitaran sosial dan sistem Internet.

### 1.1 Latar Belakang Kajian

Internet merupakan media global yang sangat berpotensi untuk menguasai seluruh dunia ini. Kewujudan Internet memainkan peranan yang sangat penting dalam dunia komunikasi dan maklumat. Hal ini kerana Internet digunakan sebagai medium untuk penyampaian dan memperoleh maklumat. Kemunculan Internet ini turut membolehkan manusia menikmati dua alam dalam kehidupan mereka iaitu alam nyata dan alam maya. Dengan adanya enjin pencarian seperti Google, Yahoo, Bing, dan laman perkongsian video seperti YouTube menyebabkan kini segala maklumat di hujung jari manusia. Google dan Yahoo merupakan antara dua enjin pencarian yang popular dalam kalangan generasi muda terutama para pelajar kerana ia membantu dalam mencari maklumat dengan lebih efektif. Malah, ada yang menamakan atau memanggil Google sebagai “Mr. G” atau “Mr. Google”.

Memang tidak boleh menafikan maklumat mengenai sesuatu isu di alam maya bergerak lebih cepat dan pantas berbanding dengan media-media lain. Sebagai contoh dalam insiden kehilangan pesawat MH370 pada 8 Mac 2014 maklumat lebih cepat diperolehi di media sosial berbanding dengan maklumat dari media tradisional seperti TV, radio, mahupun surat khabar. Oleh itu, generasi muda kini dengan alam siber tidak boleh dijauhkan. Hal ini kerana warga muda di Malaysia lebih gemar menggunakan media sosial dalam proses penyampaian dan memperoleh maklumat. Kesan daripada perkembangan dalam media baru menyebabkan terdapat beberapa istilah popular turut wujud dan kerap digunakan dalam laman sosial oleh masyarakat seperti perkataan swafoto, *Hashtag*, dan *Tweet*. Oleh itu, pada tahun 2014, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) telah memberi takrifan kepada perkataan-perkataan tersebut dan memasukkan ke dalam Kamus Dewan (Awang Sariyan, 2014). Antara definisi yang telah diberikan oleh DBP adalah, *Selfie* merujuk kepada perbuatan mengambil gambar sendiri dan memuat naik ke dalam media sosial seperti Facebook, Instagram dan lain-lain. Bagi istilah *Hashtag* pula, penggunaan simbol “#” oleh pengguna Twitter bagi menandakan kata kunci atau topik hangat. Manakala *Tweet* merujuk kepada status yang diletakkan oleh pengguna Twitter dalam laman sosial. Selaras dengan perkembangan dan penggunaan istilah baru dalam dunia maya ini, syarikat LG Electronics turut mengambil peluang dengan melancarkan telefon pintar G3 yang khas direka untuk peminat *Selfie* (Marshal, 2014).

Apabila teknologi dalam dunia siber semakin berkembang dengan pantas sudah semestinya ia turut membawa kesan-kesan negatif kepada sesebuah negara terutamanya dalam kalangan pengguna teknologi tersebut. Dalam konteks kajian ini melihat dua konsep utama iaitu kesedaran dan amalan keselamatan siber. Tahap kesedaran Internet yang rendah boleh menyebabkan pengguna mudah terdedah kepada ancaman siber seperti menjadi mangsa penipuan dalam talian, maklumat peribadi diceroboh dan lain-lain. Bagaimana telah dinyatakan di atas akibat daripada kurangnya ilmu kesedaran dalam kalangan masyarakat maka ia memberi kesan ke atas kes-kes jenayah siber Malaysia. Jadual 1.1 di bawah merupakan jumlah statistik insiden keselamatan siber dari tahun 2014 hingga 2016. Laporan ini telah dikeluarkan secara rasmi oleh agensi MyCERT, CyberSecurity Malaysia pada tahun 2016.

Statistik ini dikeluarkan berdasarkan kepada kategori-kategori seperti kandungan, gangguan siber, penipuan dalam talian, pencerobohan, kod malisius atau hasad, spam dan spam e-mel. Berdasarkan Jadual 1.1 di bawah tahun 2016 merupakan antara tahun paling tinggi berlaku insiden yang melibatkan keselamatan siber iaitu sebanyak 740 774 berbanding dengan tahun 2014 dan 2015. Berdasarkan Jadual 1.1 insiden yang melibatkan spam e-mel adalah antara insiden yang mencatatkan angka yang paling tinggi dan ia meningkat bagi setiap tahun dari tahun 2014 sehingga 2016. Bagi tahun 2014 angka yang dicatatkan ialah sebanyak 314 160 dan angka ini meningkat sebanyak 418 658 dan menjadi 732 818 pada tahun 2016. Selain itu, kes pencerobohan juga menunjukkan angka yang meningkat dari tahun 2014 hingga 2016 iaitu 1125 bagi tahun 2014, 1714 bagi tahun 2015 dan menjadi 2476 bagi tahun 2016. Selain itu, kes penipuan dalam talian juga turut mengalami peningkatan pada tahun 2016 iaitu sebanyak 3921 kes.

**Jadual 1.1 : Perangkaan Insiden Keselamatan Siber Tahun 2014-2016**

<b>Insiden</b>	<b>2014</b>	<b>2015</b>	<b>2016</b>
Kandungan	35	33	50
Gangguan Siber	550	442	529
Penipuan	4477	3257	3921
Pencerobohan	1125	1714	2476
Kod Hasad	716	567	435
Spam	3650	3539	545
Spam E-mel	314 160	561 454	732 818
<b>Jumlah</b>	<b>324 713</b>	<b>571 006</b>	<b>740 774</b>

(Sumber: MyCERT, CyberSecurity Malaysia 2016)

## 1.2 Penyataan Masalah Kajian

Amalan keselamatan siber adalah elemen penting bagi Malaysia yang merupakan sebuah negara yang turut memberi tumpuan dalam bidang teknologi maklumat dengan memperkasakan Internet. Hal ini boleh dilihat melalui perjanjian MSC 1996 dan kerajaan telah memperkenalkan konsep e-kerajaan, e-dagang yang menggunakan



talian Internet. Kini, kadar penembusan jalur lebar di Malaysia telah mencapai 71.0 peratus (SKMM, 2017) dan menurut Laporan Akamai (2017) purata kelajuan terpantas Internet di Malaysia ialah 64.1Mbps. Tambahan pula, kini pengguna media sosial di Malaysia ialah seramai 20 juta orang (SKMM, 2017). Selari dengan perkembangan Internet di Malaysia sudah tentu ia turut membawa pelbagai masalah sosial dalam negara seperti jenayah siber. Hal ini terjadi disebabkan oleh kebergantungan pengguna Internet terhadap media baharu iaitu Internet. Berdasarkan Teori Kebergantungan Media seseorang individu bergantung pada suatu media untuk memenuhi keperluan dan mencapai matlamatnya. Apabila seseorang terlalu bergantung kepada Internet maka elemen keselamatan siber telah menjadi persoalan kerana amalan yang baik akan menentukan keselamatan pengguna Internet. Kini, jenayah siber telah menjadi satu cabaran besar kepada kerajaan Malaysia. Dalam usaha menangani masalah tersebut peranan pengguna Internet adalah sangat penting kerana jenayah siber adalah berkaitan dengan diri pengguna Internet.

Justeru, bagi menangani masalah jenayah siber di Malaysia aspek kesedaran dalam kalangan pengguna adalah penting. Hal ini bermaksud pengetahuan atau kesedaran pengguna Internet perlu dipertingkatkan lagi bagi menjamin aspek keselamatan siber pengguna Internet. Secara umumnya, dalam proses kesedaran melibatkan tiga peringkat iaitu peringkat pengetahuan, pemahaman atau penghayatan dan amalan. Amalan akan dibentuk berdasarkan pemahaman dan penghayatan pengguna. Sekiranya amalan tidak baik keberangkalian terdapat masalah di peringkat pemahaman dan penghayatan adalah tinggi. Dalam pembentukan model KAP, elemen pengetahuan merupakan komponen yang sangat penting kerana tanpa pengetahuan seseorang itu tidak boleh bertindak terhadap sesuatu maklumat yang diperolehi. Pada pandangan Fiesbein dan Ajzen (1975), pengetahuan juga dikenali sebagai faktor kognitif kerana ia membina blok-blok dalam struktur pemikiran manusia. Pendedahan terhadap maklumat yang baru juga boleh meningkatkan pengetahuan. Mohd Hilmi (2013) menekankan bahawa dengan meningkatnya pengetahuan seseorang maka berlaku perubahan dalam tingkah laku. Apabila seseorang itu kerap kali terdedah kepada sesuatu maklumat dan mesej, kemungkinan orang tersebut dipengaruhi oleh mesej tersebut.

Menurut Amirudin (2014) kini, ramai golongan muda tidak mengambil langkah berjaga-jaga ketika menggunakan peranti mudah alih. Tambahan beliau, dengan adanya media sosial menjadi salah satu punca pencerobohan privasi kerana pengguna lebih gemar berkongsi segala aktiviti mereka di rangkaian sosial tersebut. Selain itu, menurut SKMM (2017) aduan paling tinggi di Malaysia terhadap media sosial ialah seperti Facebook, WhatsApp dan Twitter. Walaupun terdapat pelbagai usaha mendidik masyarakat dan pengguna Internet, namun kes-kes yang melibatkan jenayah siber masih dalam angka yang tinggi. Hal ini terbukti bahawa kesedaran dalam kalangan pengguna Internet di Malaysia masih berada di tahap yang rendah. Berdasarkan Jadual 1.2 mengenai aduan Internet mengikut klasifikasi kes tahun 2013 hingga 2015 kategori jelic, mengancam, lucah, sumbang, palsu, mengelirukan, penggodaman, penipuan, phishing dan lain-lain. Jumlah aduan bagi tahun 2014 ialah sebanyak 2189 dan angka ini meningkat pada tahun 2015 iaitu 2614. Selain itu, aduan tentang kesalahan lucah atau sumbang adalah antara kes yang sentiasa



meningkat dari tahun 2014 hingga 2015 iaitu daripada 416 kes kepada 629 kes pada tahun 2015. Selain itu, kesalahan seperti penggodaman, penipuan dan *phising* turut mengalami peningkatan dari tahun 2014 iaitu sebanyak 180 kes kepada 375 kes pada tahun 2015.

**Jadual 1.2 : Aduan Internet Mengikut Klasifikasi Kes Tahun 2013 – 2015**

Bil	Jenis Kes	2013	2014	2015
1	Jelik / Mengancam	648	643	411
2	Lucah / Sumbang	416	565	629
3	Palsu / Mengelirukan	627	730	639
4	Penggodaman / Penipuan / <i>Phising</i>	180	139	375
5	Lain-lain	318	459	560
<b>Jumlah</b>		<b>2189</b>	<b>2536</b>	<b>2614</b>

(Sumber: Bahagian Pengawasan Kandungan dan Penguatkuasaan, SKM)

Berdasarkan laporan statistik yang dikeluarkan oleh Bahagian Siasatan Jenayah Siber dan Multimedia PDRM, kes mengenai penipuan cinta siber atau lebih dikenali sebagai *African Scam* juga berada dalam keadaan membimbangkan. Angka kes penipuan ini meningkat pada tahun 2013 di mana kes yang dilaporkan adalah sebanyak 1095 kes berbanding hanya 814 kes pada tahun 2012. Selain itu, Mohd Roslan (2014), berpandangan bahawa pada tahun 2014 Malaysia telah digemparkan dengan suatu insiden penangkapan seorang remaja lelaki berusia 18 tahun kerana melakukan kesalahan di bawah Akta Hakcipta 1987 di mana remaja tersebut memuat naik dan turun muzik tempatan dan filem antarabangsa tanpa kebenaran pemilikinya. Ini jelas menunjukkan remaja berkenaan tidak bertanggungjawab terhadap aktiviti dalam talian dan malah menyalahgunakan kemudahan teknologi yang disediakan oleh kerajaan.

Justeru, hal sebegini perlu diberi perhatian di peringkat awal supaya ia tidak memberi kesan yang besar kepada negara. Kempen adalah antara langkah yang mudah untuk memberi pendidikan kepada pengguna. Walau bagaimanapun, bagaimanakah sesuatu kempen tersebut berkesan bergantung kepada intipati dan cara pelaksanaannya. Sebagai contoh SKMM telah memperkenalkan kempen kesedaran Internet iaitu Klik Dengan Bijak di mana melalui kempen ini masyarakat dididik cara-cara menggunakan Internet dengan selamat dan bijak. Pelbagai tips turut disediakan seperti cara melindungi kata laluan, maklumat-maklumat yang boleh berkongsi dan tidak boleh berkongsi, cara menggunakan media sosial dengan selamat dan sebagainya. Walau bagaimanapun, kebanyakan kempen kesedaran yang dijalankan oleh pihak kerajaan adalah dalam bentuk formal seperti ceramah, forum di mana masyarakat sekarang terutama golongan muda tidak begitu berminat bentuk-bentuk kempen tersebut. Selain kempen, di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, di bawah agensi Cyber999 telah menyediakan panduan-panduan penggunaan Internet dengan selamat oleh para pengguna. Setiap panduan yang dikongsi telah berfokus kepada golongan khusus seperti golongan kanak-kanak, remaja dan ibu bapa. Tujuannya adalah untuk memberi pengetahuan dan kesedaran kepada pengguna Internet mengenai keselamatan siber. Permasalahannya, kajian

tidak pasti bagaimana pengguna Internet mampu memahami konsep kesedaran dan keselamatan siber dengan baik. Tambahan pula, faktor persekitaran sosial turut menentukan kesedaran seseorang pengguna Internet itu sama ada tinggi atau rendah. Kajian juga tidak mengetahui bagaimana peranan ibu bapa dan rakan sebaya mempengaruhi seseorang dalam memberi kesedaran tentang amalan keselamatan siber. Sekiranya ibu bapa tidak memantau anak-anak mereka maka kemungkinan besar anak-anak mereka menjadi mangsa siber adalah tinggi.

Selain itu, terdapat pelbagai akta yang telah diwartakan untuk diguna pakai bagi kesalahan di dalam talian seperti Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, Akta Fitnah 1957, Akta Hasutan 1948, Akta Jenayah Komputer 1997, Akta Perlindungan Data Peribadi 2010, Akta Hakcipta 1987 dan sebagainya. Namun, menurut Anita (2004) akta-akta ini kurang diwar-warkan kepada masyarakat sehingga terdapat ada golongan masyarakat memang tidak mengetahui kewujudan tentang akta-akta ini. Menurut Ahmad Atory (2015) penguatkuasaan undang-undang terhadap kesalahan jenayah siber terlalu perlahan dan sedikit. Hal ini boleh menyebabkan pengguna tidak mengambil kisah tentang undang-undang siber. Malah ada pengguna semakin berani untuk menyalahgunakan kemudahan siber kerana penguatkuasaan yang lemah. PDRM, SKMM adalah antara agensi yang menguatkuasakan undang-undang siber. Sehingga kini masih tidak mengetahui punca utama atau cabaran agensi-agensi tersebut dalam menguatkuasakan undang-undang berkenaan. Justeru, berdasarkan perbincangan di atas, pengkaji merasakan wujud suatu jurang dalam elemen kesedaran dan pengalaman pengguna Internet, persekitaran sosial serta jurang di dalam pelaksanaan undang-undang siber. Justeru kajian ini ada keperluan untuk dijalankan bagi mengetahui dan menjawab permasalahan-permasalahan yang telah dibincangkan di atas.

### **1.3 Persoalan Kajian**

Berdasarkan kepada permasalahan kajian yang telah dibincangkan di atas, maka timbul beberapa persoalan seperti berikut;

**1.3.1 Bagaimana pengguna Internet mempunyai kesedaran mengenai keselamatan siber**

**1.3.2 Bagaimana pengalaman pengguna Internet dengan amalan keselamatan siber**

**1.3.3 Bagaimana persekitaran sosial mempengaruhi pengguna Internet terhadap amalan keselamatan siber**

**1.3.4 Bagaimana undang-undang yang diamalkan bagi mengawal dan membendung jenayah siber ini**

#### **1.4 Objektif Kajian**

Berdasarkan kepada permasalahan kajian dan persoalan kajian yang berfokus kepada kesedaran dan amalan keselamatan siber secara spesifik, objektif umum kajian ini ialah untuk mengetahui dan memahami kesedaran serta amalan keselamatan pengguna ketika berada dalam dunia Internet ini. Objektif khusus kajian adalah untuk:

**1.4.1 Memahami kesedaran pengguna Internet tentang keselamatan siber**

**1.4.2 Menerokai pengalaman pengguna Internet terhadap amalan keselamatan siber**

**1.4.3 Menerokai persekitaran sosial terhadap amalan keselamatan siber**

**1.4.4 Menganalisis pelaksanaan undang-undang tentang ancaman keselamatan siber di Malaysia**

#### **1.5 Kepentingan Kajian**

Kajian ini sangat penting dan wajar dijalankan kerana ia dapat memberi maklumat terkini serta dapat melengkapi kajian-kajian terdahulu. Selain itu, sebagai sebuah negara yang tidak mengamalkan dasar penapisan Internet maka aspek kesedaran dan amalan keselamatan dalam siber harus diberi perhatian. Kajian ini juga wajar dijalankan kerana ia penting kepada empat aspek berikut:

a) Polisi

Melalui kajian ini dapat menerokai kelemahan yang wujud dalam amalan keselamatan siber di Malaysia dan dapat memberi cadangan penyelesaian kepada pihak kerajaan. Cadangan yang diperolehi dalam kajian ini adalah daripada mereka yang berautoriti seperti anggota kerajaan dan pengguna Internet sendiri. Hal ini kerana mereka lebih memahami apakah masalah yang dihadapi di peringkat mereka dan apakah cara yang sesuai untuk menangani masalah tersebut. Selain itu, kajian ini dapat memberi maklumat sama ada kerajaan perlu atau tidak menggubal suatu akta khas mengenai penyalahgunaan dalam Internet. Penggubalan akta khas siber sering menjadi perdebatan dalam kalangan ahli akademik mahu pun ahli politik ekoran daripada peningkatan kes-kes siber. Oleh itu, melalui kajian ini dapat menerokai perlu atau tidak kewujudan akta baharu siber di Malaysia.

b) Praktikal

Impak dari pelaksanaan dasar tiada penapisan Internet di Malaysia, jenayah siber semakin menular dalam kalangan masyarakat. Hal ini kerana sehingga kini kerajaan tidak mempunyai sebarang akta khusus bagi mengawal penyalahgunaan Internet. Justeru, kerajaan menitikberatkan elemen kawalan sendiri di mana penapisan perlu dijalankan oleh individu, organisasi atau ibu bapa sendiri. Persoalan yang ditimbulkan di sini adalah sejauhmana pengguna sedar dan mengutamakan aspek keselamatan ketika mereka berada di alam maya atau membuat sebarang urusan di dalam talian. Tahap kesedaran rakyat Malaysia tentang keselamatan penggunaan siber masih di tahap rendah dan ia mendedahkan mereka menjadi mangsa jenayah siber (Rosly, 2013). Oleh itu, hasil kajian ini dapat memberi input kesedaran dan keselamatan kepada pengguna Internet mengenai cara-cara penggunaan Internet secara selamat dan positif. Seterusnya, kajian ini turut memberi pendidikan kepada orang awam mengenai akta, peraturan, undang-undang komunikasi serta kod kandungan Internet.

c) Teori

Dengan menjalankan kajian ini maka ia dapat memperkasakan perspektif teori terutama Teori Kebergantungan Media yang diperkenalkan oleh Sandra Ball Rokeach & Melvin DeFleur 1976 dan juga Teori KAP. Selain itu, kajian ini juga penting kerana melalui memperkayakan perspektif teori ia dapat menjadi rujukan dalam bidang akademik. Penggunaan kedua teori ini juga dapat menghasilkan dan menyusun idea secara kreatif dan rapi. Di samping itu, melalui penggunaan teori, hasil kajian ini dapat dijelaskan dengan baik dan tepat. Seterusnya, penggunaan teori-teori ini membolehkan masyarakat dapat memahami fenomena tentang amalan keselamatan siber di mana apabila pengguna terlalu bergantung kepada Internet, ini boleh menyebabkan mereka mudah terdedah kepada ancaman siber. Oleh itu, amalan keselamatan siber perlu dipraktikkan oleh mereka dan terdapat beberapa komponen yang mempengaruhi amalan mereka iaitu kesedaran, pengalaman, persekitaran sosial serta undang-undang. Hal ini akan menentukan perubahan tingkah laku pengguna dalam amalan keselamatan siber.

d) Metod

Penggunaan metodologi dalam sesuatu kajian merupakan nadi utama kepada hasil dapatan kelak. Hal ini kerana penggunaan metodologi yang betul dan tepat akan menghasilkan data yang berkualiti dan boleh dipercayai. Kaedah juga perlu selari dengan objektif dan persoalan kajian. Oleh itu, dalam kajian ini kaedah kualitatif digunakan bagi menjawab persoalan-persoalan kajian. Dengan adanya kajian ini, maka dapat menyediakan hasil kajian berguna melalui analisis kaedah kualitatif terutama dalam pemahaman terhadap kesedaran dan amalan keselamatan siber di Malaysia dan menjadi bahan rujukan kepada masa depan.

## 1.6 Skop dan Limitasi Kajian

Dalam sesuatu penyelidikan, bahagian limitasi kajian adalah penting kerana ia memberi gambaran dan dapat memahami sempadan kajian tersebut. Dalam kajian ini ia dijelaskan dalam dua aspek iaitu skop dan limitasi kajian. Di bawah skop kajian tumpuan diberi kepada konsep utama dan metodologi kajian. Secara umumnya, kajian ini melihat kepada penyalahgunaan siber dari perspektif kesedaran, amalan keselamatan dan juga perspektif dasar. Dalam hal ini, kesedaran merujuk kepada kognitif pengguna Internet iaitu pengetahuan dan pemahaman manakala amalan merujuk kepada pengalaman dan tingkah laku pengguna ketika mereka berada dalam alam maya. Dalam konteks ini, amalan yang dilihat dalam kajian ini ialah dari segi buli siber, pornografi, penerimaan e-mel *phising*, virus, perbankan dalam talian, pembelian dalam talian, penggodaman, penggunaan kata laluan, penyebaran berita dan sosial interaksi di media sosial sahaja dan tidak melihat aspek lain. Hal ini kerana menurut CyberSecurity Malaysia (2014) jenayah melalui elemen berkenaan adalah antara yang perlu dibimbangkan kerana peningkatan kes-kes dalam aspek berkenaan. Selain itu, kajian ini menggunakan pendekatan fenomenologi di mana melihat isu-isu dan fenomena kesedaran dan amalan keselamatan siber dalam kalangan pengguna Internet di Malaysia. Oleh itu, metod yang paling sesuai digunakan dalam kajian ini adalah kualitatif iaitu menggunakan kaedah temu bual mendalam, kumpulan fokus dan analisis dokumen. Melalui tiga kaedah ini boleh memperoleh data yang lebih mendalam mengenai isu kesedaran dan amalan keselamatan siber.

